

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

سمارق هاري كبغساءن نكارا بروني دارا لسلام

**SEMARAK HARI KEBANGSAAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
1984 - 2015**





**Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah
Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien
Sa'adul Khairi Waddien,
Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam**

Kandungan

<i>Sekapur Sirih</i>	5
<i>Sekilas Pandang Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam</i>	6
<i>Malam Pemasyhuran Kemerdekaan 1984</i>	7- 11
<i>Semarak Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam</i>	12 - 43
<i>Program Semarak Pengibaran Bendera Negara Sempena Sambutan Ulang Tahun Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-31, Tahun 2015</i>	44 - 47
<i>Lagu-lagu Patriotik</i>	48 - 51
<i>Bendera Negara dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam</i>	52 - 57
<i>Garis Pandu Menggunakan Bendera Negara Negara Brunei Darussalam</i>	58 - 64
<i>Bendera Peribadi</i>	65 - 69

Sekapur Sirih

Bismillahir Rahmanir Rahim
Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Segala puji dan syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala yang telah melimpahkan rahmat dan petunjuk-Nya yang memberikan kita kekuatan, keyakinan dan keupayaan untuk menanai tanggungjawab berbangsa dan bernegara.

Selawat serta salam ke atas Rasul Junjungan kita, Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wassallam, kaum kerabat, para sahabat dan pengikut-pengikut baginda yang jujur lagi setia hingga ke akhir zaman.

Bersempena dengan Program Semarak Pengibaran Bendera Negara sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-32, Tahun 2016, Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri Negara Brunei Darussalam menerbitkan buku bertajuk "Semarak Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam 1984 – 2015".

Bab awal buku ini dimuatkan dengan peristiwa bersejarah Istiadat Pemasyhuran Kemerdekaan Negara Brunei Darussalam pada tengah malam 1 Januari 1984. Ianya disusuli dengan bab yang mengimbas kembali Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam di sepanjang 31 tahun yang lalu khususnya melalui gambar-gambar yang pernah dikeluarkan oleh akhbar rasmi kerajaan - Pelita Brunei. Sudah setentunya gambar-gambar tersebut sedikit sebanyak akan menimbulkan semula kenangan manis khususnya bagi mereka yang pernah terlibat secara langsung atau tidak langsung di dalam sambutan Hari Kebangsaan pada tahun-tahun yang sudah. Yang pasti ialah sambutan Hari Kebangsaan mempunyai kelainan di dalam pelbagai aspek persembahan dari tahun ke setahun.

Bab seterusnya ialah Majlis Pelancaran Program Semarak Pengibaran Bendera Negara sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-31 anjuran Jabatan Penerangan yang diadakan serentak di keempat-empat daerah pada tahun 2015.

Beberapa senikata lagu-lagu patriotik yang sudah lazim disiarkan melalui televisyen dan radio juga mengisi beberapa halaman buku ini agar pembaca dengan mudah dapat mengetahui dan seterusnya menghayati maksudnya. Adalah tidak dinafikan bahawa lagu-lagu patriotik hari kebangsaan mampu meningkatkan semangat patriotisme di peringkat perseorangan, berkumpulan mahupun negara.

Seterusnya ialah bab mengenai Bendera Negara dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam. Di dalamnya diperjelaskan tentang latar belakang dan aspek-aspek yang berkaitan dengan kedua-duanya dengan penekanan diberikan terhadap tatacara mengibarkan Bendera Negara yang betul menurut garis panduan yang telah ditetapkan. Adalah diharapkan maklumat yang diberikan akan dapat membantu meleraikan isu-isu yang berkaitan dengan tatacara pengibaran bendera negara serta mengalakan lebih ramai orang untuk bersedia mengibarkan bendera negara.

Buku ini diakhiri dengan keterangan mengenai Bendera Peribadi yang dirasakan perlu diketahui oleh masyarakat. Di dalam hal ini, Jabatan Penerangan tidak lupa mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Jabatan Adat Istiadat Negara, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam kerana menyediakan maklumat-maklumat mengenai Bendera Peribadi.

Sebagai penutup, adalah diharapkan buku ini dapat mendatangkan manfaat yang besar kepada sesiapa sahaja yang membacanya. Dalam pada itu, kami memohon maaf jika terdapat sebarang kekurangan, kesilapan atau kesalahan yang tidak disenghajakan di dalam apa jua aspek yang berkaitan dengan buku ini. Selamat Membaca dan marilah kita semua mengibarkan Bendera Negara sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-32, Tahun 2016.

[MAWARDI BIN HAJI MOHAMMAD]
Pemangku Pengarah Penerangan
Jabatan Penerangan
Jabatan Perdana Menteri
Negara Brunei Darussalam

Sekilas Pandang Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam

Usaha-usaha ke arah mengembalikan status Negeri Brunei (sekarang Negara Brunei Darussalam) sebagai sebuah negara yang merdeka penuh dan berdaulat mula dilaksanakan secara bersungguh-sungguh semasa zaman pemerintahan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan Sir Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien ibni Sultan Muhammad Jamalul Alam II. Pelbagai langkah baginda ambil bagi mencapai hasrat yang suci dan murni itu walaupun berhadapan dengan berbagai bentuk cabaran dan asakan. Namun, baginda begitu tabah dan sabar menghadapinya disamping mempunyai kepintaran dan kebijaksanaan di dalam memikirkan suatu jalan penyelesaian. Yang paling utama bagi baginda ialah kemajuan dan pembangunan negara serta kesejahteraan dan kebahagiaan rakyat jelata.

Sejarah tercipta pada zaman pemerintahan baginda apabila Perlembagaan Bertulis Negeri Brunei dimasyhurkan pada tahun 1959, sekali gus membuka jalan yang lebih luas terhadap usaha mendapatkan kemerdekaan penuh untuk negeri tercinta. Syair Perlembagaan Negeri Brunei karya Muda Omar 'Ali Saifuddien (nama pena baginda) menukilkan secara menyeluruh perjalanan Perlembagaan Bertulis Negeri Brunei, antaranya:-

*Perlembagaan Brunei nama ditara
Setelah dicadangkan untuk negara
Untuk kebajikan rakyat sugara
Memperbaiki nasib derita sengsara*

Usaha-usaha ke arah kemerdekaan penuh diteruskan oleh anaknda baginda, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanul Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Perundingan dan perbincangan dengan Kerajaan British terus diadakan di dalam suasana baik dan muhibah. Akhirnya, pada tengah malam 1 Januari 1984, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam memasyhurkan Negeri Brunei sebagai sebuah negara yang merdeka dan berdaulat serta dikenali sebagai Negara Brunei Darussalam. Rasa syukur dipanjatkan ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala atas limpah kornia-Nya mengizinkan Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien berangkat bagi menyaksikan peristiwa gilang gemilang dan amat bersejarah tersebut, malahan memimpin sekalian yang hadir di Taman Haji Sir Omar 'Ali Saifuddien khususnya melaungkan seruan 'ALLAHU AKBAR' sebanyak tiga kali sebagai tanda kesyukuran dan kegembiraan.

Sejak 1984, Negara Brunei Darussalam telah mengadakan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Kebangsaan pada setiap 23 Februari dengan perhimpunan dan perarakan. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke upacara sambutan yang bersejarah dan gilang gemilang itu pada setiap tahun yang melibatkan ribuan peserta terdiri dari pelbagai agensi kerajaan dan swasta dan semua peringkat masyarakat. Sesungguhnya keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia ke sambutan tersebut pembakar semangat dan sumber kekuatan kepada sekalian rakyat dan penduduk di Negara Brunei Darussalam untuk bersatu padu dan berganding bahu dengan erat antara satu sama yang lain ke arah usaha bersama-sama membangun dan memajukan tanah tumpah darah mereka.

Di dalam Titah Perutusan Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan pada setiap tahun, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak kendur-kendur meningkatkan rakyat jelata agar sentiasa bersyukur terhadap nikmat yang dikurniakan oleh Allah Subhanahu Wata'ala ke atas bumi bertuah Negara Brunei Darussalam dan berusaha ke arah memastikan keamanan dan kesejahteraan tetap dikecapi sampai bila-bila dengan berlandaskan ugama Islam sebagai pegangan hidup untuk selama-lamanya.

Malam Pemasyhuran Kemerdekaan 1984



Lagu Kebangsaan "Allah Peliharakan Sultan" dinyanyikan oleh kumpulan koir yang terdiri dari para penuntut sekolah menengah dan maktab sejurus selepas keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di atas Pentas Diraja di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien, Bandar Seri Begawan.



Rakyat dan penduduk yang datang dari segenap pelusuk Negara Brunei Darussalam melaungkan seruan "Allahu Akbar" yang dipimpin oleh Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan. Serentak dengan itu lampu-lampu di sekitar Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien dinyalakan dan 21 das meriam dilepaskan.



Suasana sekeliling Bandar Seri Begawan yang basah kerana hujan tidak menghalang Istiadat Pemasyhuran Kemerdekaan Negara Brunei Darussalam yang gilang gemilang berjalan dengan teratur dan sempurna.

Malam Pemasyhuran Kemerdekaan 1984



Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika bertitah memasyhurkan kemerdekaan tepat pada tengah malam 1 Januari 1984.

Malam Pemasyhuran Kemerdekaan 1984

WATIKAH PEMASYHURAN KEMERDEKAAN



Pemashhoran Kemerdekaan Negara Brunei Darussalam

Bismillahir Rahmanir Rahim

Alhamdulillah Rabbil 'Alamin, Wassalatu Wassalamu 'Ala Sayidina Muhammad Wa 'ala Alihi Wasalibihi Ajma'in.

BAHAWASA-NYA sekarang telah tiba masa-nya bagi Negara Brunei Darussalam mengambil alih semula tanggung-jawab antarabangsa dengan sa-chaara penuh sebagai sa-buah Negara yang berdaulat lagi merdeka di-kalangan masyarakat negara antarabangsa;



DAN BAHAWASA-NYA Negara Brunei Darussalam ada-lah tidak pernah menjadi tanah jajahan tetapi mempunyai perhubungan-perjanjian yang istimewa dengan United Kingdom sejak tahun 1847 dengan mana kemudian pada tahun 1888 telah di-perseetujui bahawa perhubungan-luar negeri menjadi tanggung-jawab Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Queen bagi United Kingdom of Great Britain dan Northern Ireland;

DAN BAHAWASA-NYA satu Perlembagaan yang di-gelar Perlembagaan Negeri Brunei, 1959 telah di-musshorkan oleh Sultan sa belum Beta ia-itu Maulana Sultan Sir Muda 'Omar Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei Darussalam yang ka-dua puluh lapan dan menurut-nya-lah Kerajaan Negara ini di-usun dan ia ada-lah menjadi Undang? yang tertinggi bagi Kerajaan Negara ini;

DAN BAHAWASA-NYA dengan Perjanjian Persahabatan dan Kerjasama, 1979 yang telah di-buat di-antara Beta dengan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Queen bagi United Kingdom of Great Britain dan Northern Ireland dan dengan Pertukaran Nota di-antara Beta dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Queen maha telah di-perseetujui bahawa apa jua kuasa, kewajipan atau tanggung-jawab yang mungkin di-pegang oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Queen terhadap Negara Brunei Darussalam di-bawah semua triti, perjanjian dan susunan yang terdahulu di-antara Negara Brunei Darussalam dengan United Kingdom yang bertentangan dengan tanggung-jawab antarabangsa yang sa-penuh-nya sa-bagai sa-buah negara yang berdaulat lagi merdeka hendak-lah tamat pada 31 Disember 1983 dan dengan penamatan itu hak dan kuasa Kedaulatan Beta termasuk tanggung-jawab terhadap urusan-luar negeri akan kembali kepada Beta sebagai Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Satu haribulan Januari, Seribu Sembilan Ratus Lapan Puluh Empat;

MAKA OLEH YANG DEMIKIAN dengan nama Allah Yang Maha Pemurah dan Yang Maha Mengasihani, Beta, Sultan Hassanah Bolkiyah Mu'izzaddien Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta sekalian lajahan Talok Rantau dan Pesisir-nya, DENGAN INI MEMASHHOR DAN MENGISHTIHARKAN dengan nama Beta dan bagi pihak diri Beta dan bagi pihak penganti-l Beta dan bagi pihak ra'ayat Negara Brunei Darussalam bahawa mulai dari Satu haribulan Januari, Seribu Sembilan Ratus Lapan Puluh Empat Tahun Masehi, bersamaan dengan Dua Puluh Tujuh haribulan Rabiulawal, Hijrah Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam Seribu Empat Ratus Empat ia-itu Tahun Yang ka-Tujuh Belas Beta di-atas Takhta Kerajaan, Negara Brunei Darussalam ada-lah dan dengan izin serta limpah kurnia Allah Subhanahu Wata'ala, akan untuk sa-lama-lamanya kekal menjadi sa-buah Negara Melayu Islam Beraja yang Merdeka, Berdaulat dan Demokratik bersendikan kepada ajaran-l Uqama Islam menurut Ahlus Sunnah Waljamaah dan dengan berasaskan keadilan dan amanah dan kebebasan, dan dengan pertunjuk serta keredhaan Allah Subhanahu Wata'ala jua akan sentiasa berusaha pada memperoleh ketenteraman dan keselamatan, kebajikan serta kebahagiaan bagi ra'ayat Beta, dan demikian juga pemeliharaan perhubungan persahabatan di-kalangan antarabangsa atas dasar saling menghormati terhadap kemerdekaan, kedaulatan, persamaan dan keutuhan (kukuh) wilayah bagi semua negara yang bebas dari campur tangan dari luar negeri.

Barang di-rahmati Allah Subhanahu Wata'ala dan di-berhati Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam akan Negara Brunei Darussalam kekal sa-lama-lamanya. Amin Ya Rabbal 'Alamin.



KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI
BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Di-mashhorkan di-Bandar Seri Begawan pada Satu haribulan Januari, Seribu Sembilan Ratus Lapan Puluh Empat Tahun Masehi, bersamaan dengan Dua Puluh Tujuh haribulan Rabiulawal, Hijrah Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam Seribu Empat Ratus Empat ia-itu Tahun yang ka-Tujuh Belas Beta di-atas Takhta Kerajaan Negara Brunei Darussalam.

Malam Pemasyhuran Kemerdekaan 1984



Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan berkenan memimpin sekalian yang hadir melaungkan seruan "Allahu Akbar" sebanyak tiga kali sebagai tanda kesyukuran atas kemerdekaan penuh Negara Brunei Darussalam.



Watikah Pemasyhuran Kemerdekaan dibawa masuk untuk disembahkan ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan diiringi oleh 32 orang pembawa Alat-alat Kebesaran Diraja (atas dan bawah).



Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam, Yang Dimulikan Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama (Dr.) Haji Ismail bin Omar Abdul Aziz membacakan doa selamat.



Kumpulan hadrah ketika menjunjung keberangkatan Kebawah Duli Yang Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.



HARI KEBANGSAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

23 FEBRUARI 1984

“.... Negara Brunei ada-lah dan dengan izin serta limpah kornia Allah Subhanahu Wata'ala akan untok sa-lama2-nya kekal menjadi sa-buah Negara Melayu Islam Beraja yang Merdeka, Berdaulat dan Demokratik bersendikan kepada ajaran2 Ugama Islam menurut Ahlis Sunah Waljamaah”

— Pemashhoran kemerdekaan Negara Brunei Darussalam.

Semarak Hari Kebangsaan 1984



Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kerabat Diraja serta ketua-ketua negara dan kerajaan dari negara-negara sahabat menyaksikan dari atas Pentas Diraja, Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam.



Panji-panji Negara Brunei Darussalam direkabentuk oleh para peserta persembahan padang.



Lafaz Ikrar Hari Kebangsaan.



Setiap ruang yang ada di Stadium Negara Hassanal Bolkiah diisikan oleh orang ramai yang tidak mahu melepaskan peluang menyaksikan sendiri upacara sambutan yang bersejarah itu.



Perbarisan lalu di hadapan Pentas Diraja oleh pasukan-pasukan yang mengambil bahagian.

Semarak Hari Kebangsaan 1985



Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan bertitah di Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Yang Pertama.



Ikrar Perpaduan dilafazkan sambil diikuti oleh peserta-peserta dan penuntut-penuntut sekolah yang menyertai perhimpunan tersebut.



Kad Tayang dalam bentuk bendera Negara Brunei Darussalam dan perkataan Daulat Kebawah Duli Tuan Patek dalam tulisan Jawi.



Persembahan padang.



Semarak Hari Kebangsaan 1986



Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, berkenan menerima hormat Diraja .



Kontinjen Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Jabatan-jabatan Dibawahnya.



Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) memperlihatkan jentera berat pertahanan Negara Brunei Darussalam.



Antara persembahan yang menarik dan berwarna-warni.

Semarak Hari Kebangsaan 1987



Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sejezus keberangkatan di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien, Bandar Seri Begawan.



Seramai 17 ribu orang menyertai perbarisan perhimpunan.



Beberapa buah pasukan yang menyertai perbarisan.

Semarak Hari Kebangsaan 1988



Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima Hormat Diraja sejurus keberangkatan di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas.



Perbarisan didahului oleh Bendera Besar Negara Brunei Darussalam yang dibawa oleh 30 orang anggota Askar Muda Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.



Peserta pembawa bendera pisang-pisang.



Upacara sambutan juga disaksikan oleh murid-murid sekolah.



Salah satu persembahan padang yang melibatkan golongan muda dan belia di Negara Brunei Darussalam.

Semarak Hari Kebangsaan 1989



Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Ke-5.



Corak 'Bunga Kembang Berputar' melambangkan nilai-nilai tradisi sebagai salah satu amalan hidup bermasyarakat yang dipersembahkan oleh kementerian-kementerian.



Kementerian Pertahanan mempersembahkan rekabentuk Kelasak iaitu sejenis Alat Kebesaran Diraja bagi melambangkan keadilan dan perlindungan terhadap seluruh rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam.



Persembahan sekolah-sekolah berbentuk bulatan yang bermaksud sasaran yang dituju oleh Kementerian Pendidikan iaitu kemakmuran negara telah tercapai.




Persembahan yang mencemaskan tetapi berani oleh anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat yang menuruni menara lampu Stadium Negara Hassanal Bolkiah.

Semarak Hari Kebangsaan 1990



Lagu Kebangsaan "Allah Peliharakan Sultan" dimainkan sejurus keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Pentas Diraja, Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas.



Corak dasar dipersembahkan bagi melambangkan kedaulatan raja dan negara.



Sekalian yang hadir berdiri ketika Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam dimainkan.



Rekabentuk keris juga diantara salah satu corak yang dipersembahkan.

Semarak Hari Kebangsaan 1991



Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenaan memeriksa Kawalan Kehormatan yang terdiri dari anggota Pasukan Polis Diraja Brunei.



Lafaz Ikrar Hari Kebangsaan.



Para peserta membentuk bendera Negara Brunei Darussalam.




Pemandangan menarik berlatarbelakangkan Masjid Omar 'Ali Saifuddin.



Gabungan Pancaragam Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan Pasukan Polis Diraja Brunei mengiringi nyanyian lagu-lagu patriotik Hari Kebangsaan.

Semarak Hari Kebangsaan 1992



Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menyaksikan perbarisan lalu oleh lebih 50 pasukan yang menyertai Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-8 di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas.



Lafaz Ikrar Hari Kebangsaan.



Bendera kecil Negara Brunei Darussalam dikibarkan dengan megah oleh murid-murid sekolah.



Para peserta mempersembahkan corak 'Impian dan Cita-cita' yang menggambarkan masa depan yang lebih sejahtera dan cemerlang serta memerlukan pengorbanan anak bangsa.



Majlis Wanita Negara Brunei Darussalam tidak ketinggalan mengambil bahagian dalam memeriahkan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-8.

Semarak Hari Kebangsaan 1993



Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Kali Ke-9 dan Majlis Pelancaran Mushaf Al-Qur'an Bagi Menggantikan Cokmar Universiti Brunei Darussalam.



Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkenan memulakan penulisan Mushaf Al-Quran Bagi Menggantikan Cokmar Universiti Brunei Darussalam dengan menulis kalimah 'Bismillahir Rahmanir Rahim'.



Lafaz Ikrar Hari Kebangsaan.



Antara para jemputan yang hadir terdiri dari pegawai-pegawai kanan kerajaan dan ketua-ketua perwakilan negara-negara sahabat di Negara Brunei Darussalam.

Semarak Hari Kebangsaan 1994



Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat bercemar duli menyertai rakyat jelata bagi menunaikan sembahyang fardhu Maghrib dan Isyak berjemaah, Membaca Surah Yaasin dan Doa Kesyukuran sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-10 di Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Bandar Seri Begawan.



Doa Kesyukuran Hari Kebangsaan dibacakan oleh Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam.

Semarak Hari Kebangsaan 1995



Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam beserta kerabat-kerabat diraja berangkat bercemar duli ke Majlis Membaca Surah Yaasin dan Doa Kesyukuran Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-11 di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampung Kiarong (atas dan bawah).




Antara jemaah yang hadir di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah.

Semarak Hari Kebangsaan 1996



Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat di Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Bandar Seri Begawan bagi Majlis Membaca Surah Yaasin dan Doa Kesyukuran Sempena Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-12.



Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, kerabat-kerabat diraja dan para jemaah bersedia untuk memulakan bacaan Surah Yaasin beramai-ramai.

Semarak Hari Kebangsaan 1997




Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-13 di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien, Bandar Seri Begawan.



Salah satu persembahan dalam acara padang.



Lafaz Ikrar Hari Kebangsaan.



Salah satu lagi peristiwa bersejarah di bumi bertuah Negara Brunei Darussalam dengan berlangsungnya Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Ke-13.


Semarak Hari Kebangsaan 1998




Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-14 yang berlangsung di Stadium Tertutup Kompleks Sukan Sultan Hassanal Bolkiah, Berakas.



Lafaz Ikrar Hari Kebangsaan.



Kemeriahan yang jelas terserlah.



Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-14 bertemakan 'Membina Insan Yang Sempurna Dengan Pendidikan Bersepadu'.

Semarak Hari Kebangsaan 1999



Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-15 yang berlangsung di ibu negara.




Salah Sebuah pasukan yang mengambil bahagian dalam acara perbarisan.



Lafaz Ikrar Hari Kebangsaan.



Pemandangan menarik di ruang udara tempat perbarisan berlangsung apabila pesawat helikopter Angkatan Bersenjata Diraja Brunei melepaskan asap berwarna-warni.



Sebahagian dari orang ramai yang membanjiri ibunegara bagi menyaksikan Perbarisan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Ke-15.

Semarak Hari Kebangsaan 2000



Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Perhimpunan Agung Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Ke-16 di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin.



Kontinjen Polis Wanita Pasukan Polis Diraja Brunei.



Lafaz Ikrar Hari Kebangsaan.



Sambutan Hari Kebangsaan mencerminkan perpaduan seluruh rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam.

Semarak Hari Kebangsaan 2001



Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Ke-17.



Ikrar dilafazkan menyatakan taat setia yang tidak berbelah bahagi kepada bangsa, ugama, raja dan negara.




Perbarisan lalu.



Penyertaan di dalam perhimpunan berbentuk kenegaraan seperti ini sudah setentunya satu kenangan yang tidak mudah dilupakan oleh setiap peserta.

Semarak Hari Kebangsaan 2002



Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Ke-18.



Lafaz Ikrar Hari Kebangsaan.



Sebahagian daripada persembahan padang.



Perbarisan lalu.

Semarak Hari Kebangsaan 2003



Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan memeriksa pasukan kawalan Kehormatan oleh anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.



Pasukan Pembaca Ikrar Hari Kebangsaan.



Pasukan Pembawa Bendera Logo Hari Kebangsaan Ke-19.



Persembahan padang yang melibatkan para penuntut sekolah.

Semarak Hari Kebangsaan 2004



Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri berkenan berangkat ke Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Ke-20 Tahun di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas.



Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Ke-20 yang diadakan pada waktu malam bertambah serinya dengan penggunaan cahaya lampu khas yang berwarna warni (atas dan bawah).



Lafaz Ikrar Hari Kebangsaan



Semarak Hari Kebangsaan 2005



Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Peruan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Ke-21 di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien, Bandar Seri Begawan.



Perbarisan dihadapan Pentas Diraja .



Lafaz Ikrar Hari Kebangsaan.



Persembahan padang yang menggabungkan para peserta dari pelbagai agensi kerajaan dan swasta.

Semarak Hari Kebangsaan 2006



Kebawah Duli Kebawah Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-22.



Pengunjung terdiri dari orang ramai memenuhi ruang duduk disediakan bagi menyaksikan persembahan pelbagai sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-22.



Lafaz Ikrar Hari Kebangsaan.



Sebahagian dari pegawai dan kakitangan kerajaan yang mengambil bahagian.

Semarak Hari Kebangsaan 2007



Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-23.



Lafaz Ikrar Hari Kebangsaan.



Sebahagian dari peserta perbarisan lalu.



Persembahan padang yang menggabungkan beberapa jenis warna yang membentuk corak.

Semarak Hari Kebangsaan 2008



Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-24.



Lafaz Ikrar Haji Kebangsaan.



Perbarisan lalu.

Rekabentuk menarik yang dipersembahkan oleh gabungan peserta-peserta dari pelbagai agensi kerajaan dan swasta.



Semarak Hari Kebangsaan 2009



Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri berkenan berangkat ke Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-22.



Perbarisan lalu.



Lafaz Ikrar Hari Kebangsaan.



Cuaca pagi yang mengizinkan membolehkan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Ke-22 berjalan dengan lancar.

Semarak Hari Kebangsaan 2010



Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Upacara Perhimpunan Agung Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-26 di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien, Bandar Seri Begawan.



Persembahan padang yang membentuk angka 26 dalam tulisan jawi dan rumi sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-26.



Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Salleh Ab. Rahman berkenan menyertai Pasukan Kadet Tentera Universiti Brunei Darussalam di dalam upacara perbarisan lalu.



Lafaz Ikrar Hari Kebangsaan.



Persembahan padang menggunakan pompom.

Semarak Hari Kebangsaan 2011



Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat di upacara Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Ke-27.



Pemandangan dari jauh Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien semasa berlangsungnya Upacara Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Ke-27.



Keceriaan terbayang pada wajah para peserta yang mengambil bahagian.



Golongan kecil nampak gembira dan ceria ketika menyaksikan upacara sambutan yang diadakan.

Semarak Hari Kebangsaan 2012



Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan memeriksa Barisan Kawalan Kehormatan.



Persembahan dari udara melibatkan pesawat terbang yang mengeluarkan kepulan asap dan membentuk corak.



Lafaz Ikrar Hari Kebangsaan.



Persembahan padang melibatkan peserta dari berbagai lapisan masyarakat di Negara Brunei Darussalam.

Semarak Hari Kebangsaan 2013



Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan anaknda-anaknda baginda berkenaan berangkat ke Upacara Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-29 di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien, Bandar Seri Begawan.



Persembahan yang penuh berwarna-warni.



Lafaz Ikrar Hari Kebangsaan.



Sebahagian kontinjen yang menjayakan upacara perbarisan lalu.



Semarak Hari Kebangsaan 2014



Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri berkenan berangkat ke Upacara Perhimpunan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-30.



Stadium Negara Hassanal Bolkiah bergema dengan laungan takbir 'Allah Akbar' sebanyak tiga kali.



Lafaz Ikrar Hari Kebangsaan.



Lebih 23 ribu orang peserta dan penonton telah menjayakan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Ke-30.



Persembahan terjun payung.

Semarak Hari Kebangsaan 2015



Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Darussalam berkenan berangkat ke Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Ke-31 di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien, Bandar Seri Begawan.



Kontinjen Jabatan Perdana Menteri.



Lafaz Ikrar Hari Kebangsaan.



Antara suasana Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-31 yang bertemakan "Generasi Berwawasan".

Bagi Daerah Brunei dan Muara
19 Rabiulakhir 1436 bersamaan 9 Februari 2015



Program Semarak Pengibaran Bendera Negara
Sempena Sambutan Ulang Tahun
Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-31

Bagi Daerah Belait
19 Rabiulakhir 1436 bersamaan 9 Februari 2015



Program Semarak Pengibaran Bendera Negara
Sempena Sambutan Ulang Tahun
Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-31

Bagi Daerah Tutong
19 Rabiulakhir 1436 bersamaan 9 Februari 2015



Program Semarak Pengibaran Bendera Negara
Sempena Sambutan Ulang Tahun
Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-31

Bagi Daerah Temburong
19 Rabiulakhir 1436 bersamaan 9 Februari 2015



Lagu Patriotik

Tekad Kemerdekaan

Bergema seruan sorak kemerdekaan
Bertunas ilham menanai kedaulatan
Tanahairku mengukur kejayaan
Kami mengucap kesyukuran

Cahaya Islam membalut keimanan
Rela berkorban menegak kesucian
Walau di rimba udara dan lautan
Panggilan juhad kuturutkan

Di buminya kulahirkan
atau aku dimatikan
Itulah kupohonkan
Dan juga kutekadkan

Langit dijunjung buminya subur
Tanahairku aman makmur
Pantainya indah udara segar
Tekadku terus berkobar

Taat hukum Allah dan juga titah sultan
Abdikan diri janji kemerdekaan
Segenap pelosok dunia kukhabarkan
Brunei Merdeka Darussalam

Lagu Patriotik

Purih Bangsa

Brunei tanahair kita
Warisan berkurun lamanya
Budaya Melayu teras bangsa
Islam cara hidup kita

Kita purih pancir mulia
Tabah gagah berhemah tinggi
Bermaruah dan berperibadi
Bersopan sedar harga diri

Masa depan penuh cabaran
Kita ungkayahkan dengan iman
Dengan ilmu bakti setia
Titah amanah kerna Allah

Bangunkan kemakmuran
Peliharakan keamanan
Teguhkan kedaulatan
Teguhkan keadilan
Junjunglah kebenaran
Hidupkan kerohanian
Ajaran Allah kita turutkan

Tegak bersatu mendukung negara
Brunei sejahtera bumi tercinta
Taat setia rakyat bahagia
Di bawah naungan Sultan kita

Lagu Patriotik

Brunei Bumi Bertuah

Negaraku Brunei Darussalam
Makmur dan jaya
Rakyat jujur setia berusaha
Itulah negaraku

Raja payung rakyat dan negara
Berdaulat perkasa
Tempat berlindung isi negara
Brunei bumi bertuah

Wahai pemuda juga pemudi
Anak pertiwi sejati
Berkorban dan berbakti
Untuk Raja, Ugama
Brunei... Merdeka... Merdeka

Pada Allah kita bermohon doa
Limpahkan kurnia
Kekal subur maju aman dan jaya
Brunei laila merdeka

Bersama menjunjung titah
Membela nusa tercinta
Diseluruh pelosok penjuru negara
Persada kita jaga

Daratan juga lautan
Warisan peribadi bangsa
Bersatulah kita pertahankan
Dengan tenaga dan jiwa

Hancurkanlah petualang
Yang merosak negara
Majulah ke hadapan
Menyambut seruan ibunda

Wahai bangsaku bersemangat waja
Semaikan di jiwa
Bendera negara berkibar megah
Brunei kekel merdeka

Lagu Patriotik

Bendera Negara

Berkibar megah bendera negara
Lambang kedaulatan bangsa
Dihormati dan dipelihara
Dengan penuh taat setia

Warnanya gagah dan indah
Kuning putih hitam dan kuning
Berpadu erat dan teguh
Menjadi identiti Brunei Darussalam

- * Terletak di tengah-tengah
Panji-panji berwarna merah
Membawa cogan kata
Sentiasa membuat kebajikan
Dengan petunjuk Allah

Rakyat bersatu padu selamanya
Bersama bendera kita
Kebanggaan setiap warga
Kibarkanlah dengan sempurna

- * Ulang rangkap

Kibarkanlah dengan sempurna

BENDERA NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Bendera Negara Brunei Darussalam dalam bentuknya yang ada sekarang kecuali lambangnya telah digunakan semenjak tahun 1906 tatkala Brunei menjadi sebuah naungan berikutan dengan satu perjanjian yang ditandatangani di antara Brunei dengan Great Britain. Lambang itu telah ditekadkan dalam tahun 1959 selepas Pemasyhuran Perlembagaan yang bertarikh 29 September 1959.

Sebelum tahun 1906 Negara Brunei Darussalam tiada mempunyai bendera kebangsaan tetapi bendera-bendera perseorangan atau panji-panji peribadi banyak digunakan. Di antara bendera-bendera perseorangan itu, bendera-bendera Sultan dan wazir-wazirlah yang mustahak sekali.

Pada zaman dahulu kala, Brunei mempunyai empat orang wazir atau pembesar-pembesar negara yang terutama yang diberikan kuasa-kuasa pemerintahan dan pentadbiran oleh Sultan mengikut pangkat masing-masing.

Wazir yang kanan sekali pada masa itu ialah Pengiran Bendahara. Wazir-wazir yang tiga orang lagi itu jika mengikut kebesaran pangkat masing-masing ialah Pengiran Digadong, Pengiran Pemancha dan Pengiran Temenggong.

Seorang Perdana Wazir dengan gelaran Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar telah dilantik pada 6 Februari 1970. Mengikut gelarannya Duli Pengiran Perdana Wazir adalah terkanan sekali dari empat orang wazir-wazir yang lain itu.

Dulu Pengiran Perdana Wazir itu juga telah dianugerahkan bendera peribadi oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Bendera itu bertanahkan putih dengan lambang panji-panji Kerajaan Brunei yang di 'sulai' dengan keris 'Si Kikil' berwarna kuning.

Bendera peribadi Pengiran Bendahara ialah putih. Hijau untuk Pengiran Digadong, hitam untuk Pengiran Pemancha dan merah untuk Pengiran Temenggong.

Pegawai-pegawai rendah yang dikenali sebagai Cheteria ada juga mempunyai bendera-bendera peribadi masing-masing yang dianugerahkan oleh Sultan kepada mereka, begitulah juga keadaannya mengenai pengiran-pengiran dan rakyat. Bendera-bendera itu dapat dikenali mengikut bentuk dan warna yang berbeza-beza itu.

Tatkala Negara Brunei menandatangani perjanjian tahun 1906, maka adalah disedari bahawa negara ini mestilah mempunyai satu bendera negara supaya selari dengan negara yang lain.

Cadangan-cadangan telah dikemukakan dan rajah-rajah telah dibuat tentang bendera yang dirancang itu. Akhirnya bentuk bendera yang ada sekarang yang berwarna kuning, putih dan hitam telah dipersetujui.

Pemilihan atas warna ini ialah sebagai satu tanda untuk membuktikan bahawa pihak-pihak yang memberi persetujuan atas perjanjian itu iaitu kuning, putih dan hitam telah disatukan dalam bendera baharu itu.

Sebab warna bendera wazir-wazir yang lain tidak dimasukkan ke dalam bendera baharu itu ialah kerana pada masa itu hanya dua orang wazir sahaja yang masih hidup iaitu yang menandatangani perjanjian itu. Pengiran Digadong dan Pengiran Temenggong telah mangkat dan jawatan mereka belum dipenuhi lagi.

Selepas pengiktirafan ke atas bendera negara, maka bendera-bendera yang sememang tersedia dipakai telah terus digunakan dan dikibarkan pada hari-hari istiadat negara untuk mengetahui pangkat seseorang. Bendera negara yang baharu itu telah dikibarkan di pejabat-pejabat kerajaan dan oleh rakyat dan penduduk negara ini.

Bendera yang berbagai-bagai jenis itu telah dikurangkan bilangannya selepas pemasyhuran perlembagaan yang bertarikh 29 September 1959 supaya sedikit sahaja jumlahnya bendera-bendera yang dikibarkan pada hari istiadat negara.

Selain dari bendera-bendera perseorangan yang dibenarkan khas oleh Sultan untuk terus digunakan, maka bendera-bendera perseorangan untuk rakyat dan juga pengiran-pengiran kebanyakan telah dihapuskan. Mereka sekarang menggunakan bendera negara pada hari-hari istiadat negara.

Di antara Pengiran-pengiran dan orang-orang besar yang diberi kebenaran menggunakan bendera-bendera peribadi ialah:

- (a) Keturunan Sultan-sultan sampai ke antah
- (b) Keturunan Wazir-wazir sampai ke piut
- (c) Keturunan Cheteria-cheteria sampai ke cucu
- (d) Menteri sampai ke Damong.

Bendera-bendera peribadi mereka telah diubah dengan menambah lambang negara yang berwarna merah di atas tanah kuning pada penjuru atas sebelah kiri bendera itu.

Berikutan dengan pemasyhuran perlembagaan, beberapa perubahan telah dilaksanakan ke atas bendera-bendera peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri.

Sekarang bendera peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan berwarna kuning dengan termasuk ke dalam lambang diraja di atas tanah merah dan letaknya di tengah-tengah bendera.

Bendera Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri berwarna kuning muda dan termasuk ke dalamnya lambang diraja di atas tanah merah dan letaknya di tengah-tengah bendera.

Bendera negara yang berbentuk empat persegi panjang tepat adalah dibahagi kepada empat bahagian - dua empat persegi panjang condong dan dua empat persegi panjang ganjil. Terbentang melintangi empat persegi panjang tepat itu ialah sebuah empat persegi panjang condong yang dimulakan 2 1/2 inci ke bawah dari sudut atas sebelah kiri menghala ke sebelah kanan ke bawah yang jaraknya 2 1/2 inci juga dari bawah sebelah kanan.

Ukuran bendera biasa ialah 72 inci panjang dan 36 inci lebar.

Empat persegi condong yang membahagi empat persegi tepat itu telah menjadikan dua empat persegi ganjil, iaitu satu di sebelah atas bendera itu dan satu lagi di sebelah bawah dan yang di bawahnya bertentangan bentuknya dengan yang di sebelah atas.

Empat persegi condong itu dibahagi kepada dua bahagian lagi yang tidak sama besarnya sebelah atas lebih satu inci lebarnya dari yang sebelah bawah yang 7 1/2 inci lebarnya.

Di tengah-tengah bendera itu dimasukkan lambang negara yang berwarna merah.

Jari-jari telunjuk pada tangan-tangan yang tegak ke atas menjunjung lambang yang berwarna merah itu adalah sama jaraknya dari kiri kanan tepi bendera itu, iaitu 24 inci.

Cogan kata negara adalah disatukan dalam lambang itu: Di tulis dalam bahasa Arab dengan berwarna kuning ianya bermakna 'Sentiasa Membuat Kebajikan Dengan Petunjuk Allah.'

Empat jenis warna telah dimasukkan ke dalam bendera itu, merah untuk lambang, kuning untuk empat persegi ganjil, putih untuk empat persegi condong di atas dan hitam untuk empat persegi condong di bawah.




BENDERA NEGARA BRUNEI DARUSSALAM THE BRUNEI DARUSSALAM FLAG

Tulisan ayat di dalam panji-panji bermaksud: 'Sentiasa Membuat Kebajikan Dengan Petunjuk Allah.'
The characters inscribed on the crescent means: 'Always Render Service By God's Guidance.'

PANJI-PANJI RASMI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Lambang rasmi Negara Brunei Darussalam mengandungi:



Lambang rasmi Negara Brunei Darussalam diperolehi dari lambang diraja. Keasliannya masih dapat mempertahankan statusnya sebagai salah satu daripada lambang-lambang diraja.

Lambang rasmi yang ada pada masa kini telah pun dicapkan di atas bendera rasmi Negara Brunei Darussalam selepas pengumuman Perlembagaan Brunei pada tahun 1959.

Lambang rasmi Negara Brunei Darussalam mengandungi:

Bendera
Payung Ubor-ubor
Sayap
Tangan (Kimhap)
Bulan

Bendera dan Payung Ubor-ubor telah menjadi alat kebesaran Kerajaan Negara Brunei Darussalam sejak terbentuknya lambang rasmi ini.

Sayap - Merupakan sayap kepada keempat-empat bulu dan ianya melambangkan perlindungan keamanan, ketenangan, kemajuan dan kemakmuran di dalam negeri.

Tangan atau Kimhap - Melambangkan jaminan kerajaan untuk memperbaiki kebajikan, keamanan dan kemakmuran negara.

Bulan - Merupakan simbol Islam, agama rasmi Negara Brunei Darussalam.

Cogan kata dilambang tersebut adalah ditulis ' Sentiasa Membuat Kebajikan Dengan Petunjuk Allah'.

Tulisan di bawah lambang berbunyi 'Brunei Darussalam' yang bermaksud 'Brunei Rumah Keamanan.'

LAGU KEBANGSAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam yang selalu dimainkan di istiadat-istiadat rasmi di Negara Brunei Darussalam telah diakui secara rasmi dalam tahun 1951 iaitu selepas Sultan Sir Omar 'Ali Saifuddien (Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien) dimahkotakan sebagai Sultan pada 6 Jun 1950 bagi menggantikan paduka kekandanya, Al-Marhum Sultan Ahmad Tajuddin.

Dalam tahun 1947 sekumpulan pemuda-pemuda telah memutuskan bahawa negara mereka patutlah mempunyai lagu kebangsaannya sendiri seperti negara-negara lain yang moden. Mereka telah memilih dua orang dari kumpulan itu untuk menggubah lagu serta menyusun senikatanya sekali dan dari usaha mereka berdua itu lagu kebangsaan yang ada sekarang ini telah wujud.

Lagu kebangsaan ini sekarang dimainkan di segenap pelusuk negara ini di dalam semua majlis-majlis yang beristiadat.

Penggubah lagunya ialah Allahyarham Awang Haji Besar bin Sagap dan penyusun senikatanya ialah Pengiran Haji Mohd. Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim (sekarang dikenali Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohd. Yusof bin Pengiran Haji Abd. Rahim).

Sebelum mendapat akuan, lagu kebangsaan itu telah menempuh berbagai-bagai perubahan melalui usaha beberapa orang guru-guru Melayu, khasnya, Awang Haji Mohamed Sum bin Hashim, orang yang pertama sekali mengenalkan lagu itu kepada murid-murid sekolah-sekolah Melayu di Bandar Brunei (sekarang Bandar Seri Begawan).

Usaha mengenalkan lagu itu telah merebak dengan cepatnya kerana tidak beberapa lama setelah itu guru-guru Melayu yang lain pula telah mengajarkannya kepada murid-murid mereka di sekolah masing-masing di seluruh Negara Brunei Darussalam. Dalam tempoh beberapa minggu sahaja kebanyakan murid-murid sekolah telah pandai menyanyikan lagu kebangsaan itu dengan senikatanya sekali.

Lagu kebangsaan itu telah di beri penghormatan yang sama dengan lagu kebangsaan British, '*God Save The King*' yang juga dimainkan di istiadat-istiadat tersebut.

Pengiktirafan diraja atas lagu kebangsaan itu telah didapati tidak berapa lama kemudiannya apabila Al-Marhum Sultan Ahmad Tajuddin menghadiri satu istiadat menaikkan bendera pada hari ulang tahun Barisan Pemuda Brunei yang telah diadakan di Bandar Brunei dalam tahun 1947.

Di istiadat ini baginda telah menaikkan bendera barisan tersebut dengan diiringi oleh lagu yang asalnya digubah oleh Allahyarham Haji Besar bin Sagap itu.

SENİKATA LAGU KEBANGSAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Ya Allah, lanjutkanlah usia
Kebawah Duli Yang Maha Mulia
Adil berdaulat, menaungi nosa
Memimpin rakyat kekal bahagia
Hidup sentosa, negara dan sultan
Ilahi selamatkan Brunei Darussalam.

LIRIK LAGU KEBANGSAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Allah Peliharakan Sultan



Lagu ciptaan: Haji Awang Besar bin Awang Sagap

Senikata: Yura Halim

Susunan muzik dan koir: Mejar (B) Awang Haji Manaf bin Haji Kamis

GARIS PANDU MENGGUNAKAN BENDERA NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

1. Tiang bendera yang digunakan di hadapan bangunan-bangunan dan rumah-rumah kediaman hendaklah tidak melebihi 20 kaki (6.09meter) tingginya dan didirikan seperti Rajah 'A'.
2. Bagi rumah-rumah kediaman di Kampong Ayer, tiang bendera hendaklah diikat pada tiang sama ada di beranda atau di anjung rumah seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 'B'.
3. Bagi mereka yang tinggal di rumah-rumah kediaman atau pangsa yang tidak mempunyai kawasan untuk mendirikan tiang bendera, tiang bendera boleh diikat pada satu tiang di beranda dengan ukuran 10 kaki panjang (3.048m) seperti seperti Rajah 'C', 'C1' (untuk tingkat-tingkat bawah jika boleh) dan 'E' (di kawasan dinding; condong kira-kira 30 darjah) .
4. Bangunan hotel dan bangunan yang seumpamanya hendaklah mengibarkan bendera di atas bangunan seperti Rajah 'D' atau di hadapan bangunan seperti Rajah 'D1' dengan syarat tiang bendera itu tidak dipacakkan di tanah. Jika hotel mempunyai benderanya tersendiri hendaklah tiang bendera itu diletakkan di sebelah kiri daripada tiang bendera Negara Brunei Darussalam. Tinggi tiang bendera ialah tidak kurang dari 10 kaki (3.048 m) jika di atas bangunan dan tidak kurang dari 20 kaki (6.096 m) jika di hadapan bangunan.
5. Rumah-rumah persendirian, tiang bendera hendaklah tidak kurang dari 10 kaki (3.048 m) yang didirikan condong kira-kira 30 darjah seperti Rajah 'E'. Jika bendera hendaklah dikibarkan di atas bangunan, ketinggian tiang bendera hendaklah tidak melebihi 10 kaki (3.048 m) seperti Raja 'C1'.
6. Apabila bendera dikibarkan di dalam bangunan, ketinggian tiang hendaklah yang berukuran dari 8 kaki ke 10 kaki (2.438 m ke 3.048 m) seperti dalam Rajah 'F'.
7. Bendera yang bersesuaian ukurannya boleh diletakkan di atas meja semasa diadakan mesyuarat-mesyuarat atau majlis-majlis rasmi seperti dalam Rajah 'F'.
8. Apabila dikibarkan pada sebuah kereta oleh orang-orang tertentu, bendera yang ukurannya bersesuaian hendaklah diletak di tengah-tengah hadapan bonet seperti dalam Rajah 'G'.
9. Bendera bangunan-bangunan pejabat kerajaan pada hari-hari bekerja hendaklah dikibarkan mulai dari matahari terbit dan diturunkan setelah matahari terbenam. Ataupun mengikut waktu bekerja.
10. Bendera di bangunan-bangunan kerajaan dan awam dan di rumah-rumah kediaman hendaklah dikibarkan apabila arahan untuk mengibar bendera dibuat oleh pihak kerajaan bersempena hari-hari kebesaran negara seperti Hari Kebangsaan dan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi siang dan malam di sepanjang tempoh hari-hari perayaan.
11. Bendera-bendera hendaklah diturunkan daripada bangunan-bangunan awam dan rumah-rumah persendirian setelah tempoh/tarikh pengibaran bendera tamat.
12. Bendera-bendera hendaklah tidak ditinggalkan di tiang bendera di sepanjang tahun dan sehingga robek setelah tempoh/tarikh pengibaran bendera tamat.

CARA PEMASANGAN DAN PENGIBARAN BENDERA NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

1. Banglo

Di kawasan hadapan rumah dengan menggunakan G. 1 pipa (pipe):
1inci x 20 inci.

2. Rumah Pangsa (Flat)

- a). Di kawasan pagar dengan menggunakan G. 1 pipa (pipe): 1 inci x 20 kaki.
- b). Di atas bangunan dengan menggunakan G. 1 pipa: 1 inci x 10 kaki.
- c). Di kawasan beranda dengan menggunakan G. 1 pipa: 1 inci x 10 kaki
- d). Di kawasan dinding rumah didirikan condong kira-kira 30 darjah dengan menggunakan G. 1 pipa:
1 inci x 10 kaki.

3. Pejabat

- a). Di kawasan pagar dengan menggunakan G. 1 pipa: 1 inci x 20 kaki.

ATAU

- b). Di atas bangunan dengan menggunakan G. 1 pipa: 1 inci x 10 kaki.

4. Di Tapak Binaan

Di hadapan pejabat (office) sementara dengan menggunakan G. 1 pipa: 1 inci x 20 kaki.

Nota:

- a). Bendera sebagai hiasan yang dikibarkan semasa upacara-upacara rasmi hendaklah berukuran 3 kaki x 6 kaki (0.9144 m x 1.8 m).
- b). Bendera yang dikibarkan untuk penggunaan harian di jabatan kerajaan hendaklah berukuran 4 kaki x 8 kaki (1.2 m x 2.4 m).

Rajah 'A'



Tiang bendera yang digunakan di hadapan rumah-rumah kediaman dan bangunan-bangunan hendaklah tidak melebihi 20 kaki (6.09 meter) tinggi dan didirikan seperti dalam Rajah 'A'.

Rajah 'B'



Bagi rumah-rumah kediaman di Kampong Ayer, tiang bendera hendaklah diikat pada satu tiang yang telah disediakan sama ada di beranda atau di anjung rumah seperti dalam Rajah 'B'.



Bagi rumah-rumah kediaman seperti apartmen atau flat, tiang bendera hendaklah berukuran 10 kaki (3.048 meter) panjang dan dipasang di kawasan beranda seperti dalam Rajah 'C', 'C1' (flat bahagian bawah, jika boleh) dan (didapatkan pada dinding kira-kir 30 darjah) seperti dalam Rajah 'E'. (lihat muka surat 30).



Rajah 'D'



Hotel-hotel dan bangunan-bangunan yang seumpamanya hendaklah mengibarkan bendera di atas bangunan sebagaimana dalam Rajah 'D' atau seperti dalam Rajah 'D 1' asalkan tiang bendera tidak dipacakkan di tanah. Bendera hotel hendaklah dipasang di sebelah kiri bendera Negara Brunei Darussalam. Setiap tiang bendera hendaklah berukuran sekurang-kurangnya 10 kaki (3.048 meter) tinggi.

Rajah 'D 1'




Tiang bendera yang ditempatkan di hadapan bangunan-bangunan dengan syarat tiang bendera tidak dipacakkan di tanah.




Bagi rumah-rumah persendirian, tiang bendera hendaklah berukuran sekurang-kurangnya 10 kaki (3.08 meter) tinggi dan dipacakkan sama ada di tanah atau di beranda; atau didapkan pada dinding kira-kira 30 darjah seperti dalam Rajah 'E'. Jika bendera dikibarkan di bangunan, tiang bendera hendaklah berukuran tidak melebihi 10 kaki (3.048 meter) seperti dalam Rajah 'C 1' (lihat m.s 27).

Rajah 'F'



Bendera yang bersesuaian ukurannya boleh diletakkan di atas meja semasa diadakan mesyuarat-mesyuarat atau majlis-majlis rasmi.

Rajah 'G'



Apabila dikibarkan pada sebuah kereta oleh orang-orang tertentu, bendera yang ukurannya bersesuaian hendaklah diletak di tengah-tengah hadapan bonet.

Bendera Kerabat Diraja



BENDERA SULTAN



BENDERA RAJA ISTERI



BENDERA PADUKA SERI BEGAWAN SULTAN



BENDERA PADUKA SURI SERI BEGAWAN RAJA



BENDERA DULI PENGIRAN MUDA MAHKOTA



BENDERA PADUKA SERI PENGIRAN ANAK ISTERI
(ISTERI DULI PENGIRAN MUDA MAHKOTA)

Bendera Duli-Duli Wazir



BENDERA DULI PENGIRAN PERDANA WAZIR
(PUTERA SULTAN YANG GAHARA)



BENDERA DULI PENGIRAN BENDAHARA
(PUTERA SULTAN YANG GAHARA)



BENDERA DULI PENGIRAN DIGADONG
(PUTERA SULTAN YANG GAHARA)



BENDERA DULI PENGIRAN PEMANCHA
(PUTERA SULTAN YANG GAHARA)



BENDERA DULI PENGIRAN TEMANGGONG
(PUTERA SULTAN YANG GAHARA)

Bendera Putera-Puteri, Cucu, Piut dan Antah Sultan



BENDERA
PUTERA PUTERI SULTAN YANG GAHARA



BENDERA
PUTERA PUTERI SULTAN YANG TIDAK GAHARA



BENDERA
CUCU SULTAN YANG GAHARA



BENDERA
CUCU SULTAN YANG TIDAK GAHARA



BENDERA PIUT SULTAN



BENDERA ANTAH SULTAN

Bendera Anak, Cucu dan Piut Wazir



BENDERA ANAK DULI PENGIRAN PERDANA WAZIR YANG GAHARA



BENDERA ANAK DULI PENGIRAN PERDANA WAZIR YANG TIDAK GAHARA



BENDERA CUCU DULI PENGIRAN PERDANA WAZIR



BENDERA PIUT DULI PENGIRAN PERDANA WAZIR



BENDERA ANAK DULI PENGIRAN BENDAHARA YANG GAHARA



BENDERA ANAK DULI PENGIRAN BENDAHARA YANG TIDAK GAHARA



BENDERA CUCU DULI PENGIRAN BENDAHARA



BENDERA PIUT DULI PENGIRAN BENDAHARA



BENDERA ANAK DULI PENGIRAN DIGADONG YANG GAHARA



BENDERA ANAK DULI PENGIRAN DIGADONG YANG TIDAK GAHARA



BENDERA CUCU DULI PENGIRAN DIGADONG



BENDERA PIUT DULI PENGIRAN DIGADONG



BENDERA ANAK DULI PENGIRAN PEMANCHA YANG GAHARA



BENDERA ANAK DULI PENGIRAN PEMANCHA YANG TIDAK GAHARA



BENDERA CUCU DULI PENGIRAN PEMANCHA



BENDERA PIUT DULI PENGIRAN PEMANCHA



BENDERA ANAK DULI PENGIRAN TEMENGGONG YANG GAHARA



BENDERA ANAK DULI PENGIRAN TEMENGGONG YANG TIDAK GAHARA



BENDERA CUCU DULI PENGIRAN TEMENGGONG



BENDERA PIUT DULI PENGIRAN TEMENGGONG

Bendera Pengiran-Pengiran Cheteria



BENDERA PENGIRAN PERDANA CHETERIA SAHIBUN NABALAH



BENDERA PENGIRAN LELA CHETERIA SAHIBUN NAJARAH



BENDERA PENGIRAN MAHARAJA LELA SAHIBUL KAHAR



BENDERA PENGIRAN INDERA SETIA DIRAJA SAHIBUL KARIB



BENDERA PENGIRAN PEKERMA SETIA DIRAJA SAHIBUL BANDAR

DAN
BENDERA MAHARAJA SETIA LAILA DIRAJA SAHIBUL IRSHAD



PENGIRAN SANGGAMARA DIRAJA



BENDERA CHETERIA BESAR (CHETERIA LAPAN)



BENDERA CHETERIA PENGALASAN (CHETERIA ENAM BELAS)



BENDERA PENGIRAN PENGGAWA LAILA BENTARA ISTIADAT DIRAJA DALAM ISTANA



BENDERA CHETERIA DAMIT (CHETERIA TIGA PULUH DUA)

Bendera Anak dan Cucu Cheteria



BENDERA ANAK KEPALA CHETERIA
DAN CHETERIA EMPAT



BENDERA CUCU KEPALA CHETERIA
DAN CHETERIA EMPAT



BENDERA ANAK CHETERIA BESAR
(CHETERIA LAPAN)



BENDERA CUCU CHETERIA BESAR
(CHETERIA LAPAN)



BENDERA ANAK CHETERIA PENGALASAN
(CHETERIA ENAM BELAS)



BENDERA CUCU CHETERIA PENGALASAN
(CHETERIA ENAM BELAS)



BENDERA ANAK CHETERIA DAMIT
(CHETERIA TIGA PULUH DUA)



BENDERA CUCU CHETERIA DAMIT
(CHETERIA TIGA PULUH DUA)



BENDERA PENGIRAN DATU PENGHULU



BENDERA PENGIRAN-PENGIRAN KEBANYAKKAN

Bendera Pehin-Pehin Manteri



BENDERA PEHIN DATU PERDANA MANTERI



BENDERA PEHIN ORANG KAYA DIGADONG
SERI DIRAJA
DAN
PEHIN ORANG KAYA DIGADONG SERI LELA



BENDERA MANTERI TAMBAHAN DI-ATAS
MANTERI EMPAT



BENDERA PEHIN ORANG KAYA
PENGGAWA LAILA BENTARA DIRAJA



BENDERA PEHIN SANGGAMARA ASKAR DIRAJA



BENDERA MANTERI EMPAT



BENDERA PEHIN-PEHIN MANTERI
DAN
PEHIN-PEHIN MANTERI TAMBAHAN



BENDERA PEHIN ORANG KAYA PERBENDAHARAAN DIRAJA



BENDERA PEHIN DATU SERI MAHARAJA



BENDERA PEHIN DATU IMAM



BENDERA BEGAWAN PEHIN DATU IMAM



BENDERA PEHIN SIRAJA KHATIB



BENDERA BEGAWAN PEHIN SIRAJA KHATIB



BENDERA PEHIN TUAN IMAM



BENDERA BEGAWAN PEHIN TUAN IMAM



BENDERA PEHIN UDANA KHATIB



BENDERA BEGAWAN PEHIN UDANA KHATIB



BENDERA PEHIN KHATIB



BENDERA BEGAWAN PEHIN KHATIB

Bendera Manteri Hulubalang dan Manteri Darat



BENDERA MANTERI-MANTERI HULUBALANG



BENDERA KEPALA MANTERI DARAT



BENDERA MANTERI DARAT



BENDERA MUDIM



BENDERA BEGAWAN MUDIM